

28hb. April 2020 bersamaan 6 Ramadan 1441H

PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN DYNAC

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Selamat Sejahtera

Saya berharap perutusan ini mendapati saudara/saudari dalam keadaan serta kesihatan yg terbaik. Sebagaimana yang kita semua telah sedia maklum, seluruh dunia sedang dicengkam dengan ancaman penularan COVID19. Apa yang berlaku ini telah merubah keseluruhan landskap kehidupan manusia di era ini; baik dari sudut sosial, ekonomi, kesihatan/perubatan, keselamatan, perjalanan gaya hidup dan banyak lagi. Banyak istilah-istilah baru juga diperkenalkan seperti Frontliners, the New Normal, Lockdown, PKP dan sebagainya. Secara tidak langsung ianya menggambarkan satu perubahan drastik yang menggoncang serta mengkucar-kacirkan suasana kehidupan dunia secara menyeluruh. Saya ingin mengingatkan saudara/saudari semua bahawa kita lah sebenarnya Barisan Hadapan (The Frontliners) serta Pertahanan Terakhir (The Last Defence) untuk keluarga kita dalam menangani isu-isu mutakhir ini; samada isu Covid19, ekonomi, kesihatan dan apa jua pun kerana keluarga kita bergantung harap kepada kita sebagai pasangan ketua keluarga. Kita mesti melihat keadaan sekarang dari beberapa sudut baru yang mungkin berbeza secara tradisinya. Kita juga mungkin terpaksa melakukan beberapa pengorbanan, fleksibiliti dan tindakan yang besar serta berbeza. Kita semua mesti bersedia untuk itu semua bagi memastikan kelangsungan hidup kita, keluarga kita dan syarikat kita. Kita juga terpaksa mengadaptasi serta menyesuaikan diri dengan apa yang dipanggil Kebiasaan Baharu (The New Normal/Norms) dalam perjalanan hidup kita. Sesuatu yang mungkin sebelum ini amat asing buat kita, namun kini perlu dijadikan sebagai satu kebiasaan..

Dari aspek ekonomi pula, harga setong Brent Oil telah kembali ke paras yang sangat rendah; sama ketika mana Dynac mula-mula berkecimpung dalam Industri Minyak dan Gas lebih 35 tahun yang lalu. Apa jua yang berlaku ke atas harga minyak dunia akan pasti memberi tekanan serta kesan langsung kepada ekonomi dunia. Kesan ekonomi dunia inilah yang sangat membimbangkan kita kerana kita terlibat secara langsung dengan Industri Minyak dan Gas. Kita telah kerap membaca dari berita semasa banyaknya syarikat-syarikat besar yang telah mula menghentikan operasi mereka, mengurangkan pengeluaran serta kakitangan mereka malah banyak juga syarikat yang terpaksa memotong gaji serta imbuhan pekerja-pekerja mereka hanya untuk

memastikan agar syarikat tersebut terus relevan, boleh terus berfungsi serta meminimumkan kos serta kerugian mereka. Bagi Kumpulan Dynac, kami akan sedaya upaya cuba untuk memastikan agar daya saing, daya maju dan keberadaan kita dalam industri perniagaan ini diteruskan walaupun kita juga mungkin terpaksa mengambil beberapa langkah yang drastik, asing serta terkeluar dari norma-norma biasa dan zon selesa. Dijangkakan kesan keadaan ekonomi dunia ini akan berlanjutan setidaknya-tidaknya untuk 2 ke 3 tahun yang mendatang. Pada ketika itu, saya merasakan sumber tenaga juga akan mengalami beberapa evolusi baru yang akan cuba beralih dari kebergantungan kepada minyak dan gas semata-mata. Pada ketika itu kita juga sudah sepatutnya bersedia untuk melakukan lonjakan perubahan tersebut bagi memastikan kesinambungan serta kelangsungan perniagaan syarikat. Sudah pasti pihak syarikat memerlukan kesetiaan, kesediaan, dedikasi dan keberanian dari semua kakitangan syarikat tanpa sebarang pengecualian. Sesungguhnya kita sedang berhadapan dengan satu dugaan perniagaan dan kehidupan yang memerlukan usaha yang kolektif dan menyeluruh dari semua pihak agar kita berjaya menempuhinya. Sesungguhnya saya percaya kepada kesepakatan di Dynac yang membolehkan kita untuk kesekian kalinya terus berjaya mengharungi cabaran-cabaran ini. InsyaAllah.


Di dalam mendepani masa-masa yang sukar ini, ia tidak seharusnya MERUBAH identiti kita, malah ia sepatutnya MENYERLAHKAN lagi identiti, kualiti, akhlak, keperibadian serta kebergantungan kita kepada Allah SWT. Kita BOLEH menang, kita PERLU menang dan kita PASTI menang. InsyaAllah.

Saya dengan rendah hati memohon kerjasama, kefahaman serta doa-doa dari saudara/saudari semua untuk kita sama-sama melepasi satu lagi episod kehidupan ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Ramadhan AlMubarak kepada semua. Mari lah kita semua meningkatkan keikhlasan dan amalan-amalan kita di bulan yang mulia ini agar menerusi keberkatan bulan yang mulia ini, kehidupan kita terus diberkati, dirahmati dan dilindungi.Aamiin

#staysafe#stayhealthy#staystrong#inAllahwetrust#

والسلام

Yang benar,



Md Jasman Bongkek

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan